



PASUKAN Zapin UPM bersama anugerah yang dimenangi selepas menjuarai Anugerah Gong Kencana Emas, baru-baru ini.

BERITA HARIAN 30/1/09.

UPM ungguli anugerah Makum

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mengungguli Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) apabila memenangi Anugerah Gong Kencana Emas iaitu hadiah paling tinggi khusus untuk institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Anugerah diberi berdasarkan pencapaian cemerlang universiti itu menjuarai Festival Zapin dan Nasyid tahun lalu, selain Deklamasi Puisi Merdeka serta Festival Pantun 2007 anjuran Makum.

Universiti itu turut merangkul Anugerah Saron Wangsa Makum 2008 kera-

na menunjukkan komitmen tinggi dalam pertandingan anjuran Makum dan empat anugerah lain iaitu Bonang Emas, Gambang Mustika, Gendang Sari dan Kenong Budi.

Ketua Unit Seni Budaya dan Kreatif Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, Mohd Isnain Ali, berkata kemenangan itu diraih hasil bimbingan unit berkenaan.

"Kemenangan ini diharap menaikkan semangat penggiat seni dan budaya untuk terus meningkatkan mutu persempahan, sekali gus mencapai lebih banyak kejuaraan," katanya.

Pada majlis itu, UPM

menerima trofi yang disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi.

Anugerah Seni Makum 2008 yang diadakan secara dwitahunan itu memberi pengiktirafan terhadap hasil seni dihasilkan IPTA sepanjang 2007 dan 2008.

Makum dianggotai 20 IPTA bekerjasama membantu meningkatkan imej kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.